



Kelantan sedia bantu
kementerian jayakan RMK13
di Kelantan

Jangan biarkan anak-anak
bermain video berunsur ganas,
boleh rosakkan akhlak

Pendedahan STI, STEM kepada
pelajar YIK positif
- YB Kamaruzaman

Rakan Muda Al-Quran jadikan
masjid pusat transformasi belia

MOSTI, Kelantan bekerjasama lahirkan generasi celik digital

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 14 Disember – Kerjasama strategik antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kerajaan Negeri Kelantan terus diperkukuh bagi melahirkan generasi celik digital serta berdaya saing dalam mendepani cabaran ekonomi masa hadapan berteraskan teknologi.

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad berkata, kerajaan negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada MOSTI atas kepercayaan melantik Kelantan ICT Gateway sebagai rakan pelaksana Karnival Sains, Teknologi dan Digital (STI) Madani 2025.

“Kerajaan Negeri amat bangga dan berterima kasih atas usaha berterusan MOSTI dalam memperkukuhkan ekosistem Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di negeri ini,” katanya ketika merasmikan karnival berkenaan di Ruang Legar Pusat Transformasi Bandar (UTC), hari ini.

Beliau turut menyatakan keyakinan bahawa MOSTI sentiasa komited menjalinkan kerjasama bersama kerajaan negeri bagi menjayakan usaha pembudayaan sains, teknologi dan inovasi serta pemerkasaan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) ke arah persediaan negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030.

Tambahnya, dunia kini berada dalam era perubahan pesat melibatkan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), Internet Benda (IoT), robotik, dron dan blockchain yang membentuk masa depan pekerjaan serta ekonomi digital.

“Negeri Kelantan tidak seharusnya ketinggalan dalam melahirkan



kan bakat dan pakar dalam bidang STI. Pembudayaan yang bermula di peringkat sekolah sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) amat penting bagi membekalkan ilmu dan kemahiran berguna kepada generasi muda,” ujarinya.

Pada penganjuran kali ini, karnival tersebut melibatkan 12 Parlimen di seluruh Kelantan, dengan peringkat pertama di UTC Kelantan membabitkan tujuh Parlimen iaitu Kota Bharu, Ketereh, Pasir Mas, Kubang Kerian, Pengkalan Chepa, Tumpat dan Rantau Panjang.

Karnival yang berlangsung selama dua hari itu telah merekodkan penyertaan hampir 2,000 peserta terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar IPT serta orang awam.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut memaklumkan beberapa sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) memberi fokus kepada bidang sains, antaranya Maahad Sains Tok Guru yang menggunakan medium bahasa Arab dan bahasa Inggeris bagi melahirkan pelajar berkecemerlangan tinggi serta berpengetahuan luas dalam bidang sains.

“Program sebegini amat baik untuk memberi pendedahan kepada pelajar, khususnya pelajar YIK, agar dapat memahami sains dengan lebih mendalam,” katanya.

Sepanjang dua hari penganjuran, pelbagai aktiviti interaktif dan berunsur pendidikan disediakan kepada pengunjung antaranya pameran STEM, Kuiz STI, aktiviti 3D Pen Art, bengkel kecerdasan buatan (AI) dan digital video, bengkel model 3D serta penghasilan prototaip, selain persembahan sains (science show).

Majlis perasmian karnival itu turut diserikan dengan kehadiran Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato’ Siti Zailah Mohd Yusoff, Setiausaha Pembudayaan dan Perkhidmatan STI Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Abdullah Daud, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (PP) Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Ir Hamzah Abdul Rah-

“

Kerajaan Negeri amat bangga dan berterima kasih atas usaha berterusan MOSTI dalam memperkukuhkan ekosistem Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di negeri ini,”

man serta Pengurus Besar Kelantan ICT Gateway Sendirian Berhad Mohd Roslan Mohd Zain.

Pada kesempatan itu, YB Kamaruzaman merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri, Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Bahagian MOSTI atas sokongan, kepercayaan dan kerjasama dalam menjayakan karnival berkenaan.

Penghargaan turut diberikan kepada rakan kerjasama termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Pusat Sains Kuala Terengganu, Politeknik Kota Bharu, Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Kelantan, Yayasan Islam Kelantan, Jabatan Pendidikan Negeri, Affin Bank dan ODA Malaysia.



Kelantan sedia bantu kementerian jayakan RMK13 di Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 17 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan kesediaan untuk membantu setiap kementerian serta mana-mana pihak berkaitan bagi menyegerakan pelaksanaan projek pembangunan yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Kelantan Dato' Ab. Pattah Hasbullah berkata, kerjasama erat antara kerajaan negeri dan agensi pelaksana amat penting bagi memastikan projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan serta memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Program Wacana Awam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung di Dewan Teratai Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, program wacana awam tersebut merupakan platform penting untuk membolehkan pelbagai pihak membangkitkan isu serta mengemukakan idea bagi pembentukan pelan tindakan RMK13 yang merangkumi tempoh



2026 hingga 2030.

“Sesi ini adalah ruang untuk pihak tuan puan membangkitkan isu dan memberikan idea bagi pelan tindakan RMK13. Rancangan Malaysia ini sangat penting sebagai pelan pembangunan fizikal dan juga bukan fizikal,” katanya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil langkah awal dengan menyelaras serta mengemukakan permohonan projek di bawah Rolling Plan Pertama (RP1) tahun 2026 kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Ekonomi.

“Alhamdulillah, sebanyak 129 projek baharu telah diluluskan kepada negeri Kelantan di bawah RP1 RMK13. Kerajaan negeri sentiasa bersedia membantu setiap kementerian atau mana-mana pihak bagi menyegerakan pelaksanaan

projek pembangunan yang telah diluluskan,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan bahawa sesi libat urus seperti Wacana Awam RMK13 merupakan pendekatan yang amat konstruktif bagi mendapatkan pandangan rakyat di peringkat akar umbi, sekali gus memastikan perancangan pembangunan yang digariskan benar-benar menepati keperluan semasa.

Program tersebut menghimpunkan penyertaan daripada pelbagai latar belakang termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), wakil syarikat swasta serta guru-guru, mencerminkan komitmen kerajaan negeri untuk melibatkan semua pihak dalam proses perancangan pembangunan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Institut Antarabangsa Polisi



Awam dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya Datuk Dr Anis Yusai Yusoff merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atas penganjuran program berkenaan.

Menurutnya, INPUMA merupakan pasukan kajian yang dilantik oleh Kementerian Ekonomi bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan penyediaan insentif untuk RMK13.

“Slot ‘Anda Cakap, Kami Dengar dan Catat’ hari ini adalah ruang untuk kami mendengar isu-isu rakyat Kelantan di peringkat akar umbi. Semua data yang diperoleh akan dibincangkan secara fokus bagi memahami isu yang dibangkitkan dan seterusnya menilai kesesuaiannya untuk dijadikan polisi kerajaan,” jelasnya.

Jangan biarkan anak-anak bermain video berunsur ganas, boleh rosakkan akhlak



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Disember - Ibu bapa diingatkan supaya lebih berwaspada terhadap pendedahan anak-anak kepada permainan video berunsur keganasan kerana ia boleh memberi kesan

buruk terhadap akhlak dan perkembangan pemikiran mereka.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, permainan seperti PUBG, GTV dan ManHunt didakwa melalaikan kanak-kanak serta

menghakis nilai murni sekiranya dibiarkan tanpa kawalan.

“Jika ibu bapa membiarkan, malah memuat turun permainan ini untuk anak-anak sehingga mereka leka bermain, ia boleh merosakkan akal dan akhlak mereka. Inilah yang diingatkan oleh Nabi SAW tentang ibu bapa yang mencorakkan pegangan dan perilaku anak-anak,” katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Beliau turut mendakwa permainan berunsur keganasan itu merupakan sebahagian daripada agenda musuh Islam seperti Yahudi untuk melemahkan generasi muda agar menjadi lalai dan berperilaku negatif.

“Alat sebegini dicipta untuk

melemahkan umat Islam, menjadikan anak-anak leka dan akhirnya rosak akhlak,” katanya.

Terdahulu, YB Mohd Asri merasmikan Majlis Anugerah Prestasi PASTI al-Hikmah, kampung Chepa, Kota Bharu.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada pihak pengurusan PASTI al-Hikmah Chepa, para guru dan ibu bapa atas komitmen mendidik anak-anak dengan pendekatan berteraskan ilmu dan akhlak.

Majlis berkenaan menyaksikan penyampaian anugerah kepada pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik dan sahsiah sepanjang tahun persekolahan.

Dato' Rohani, MPWP santuni peniaga di tiga pasar sekitar Kota Bharu

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Disember – Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim bersama Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) Kota Bharu menyantuni para peniaga di tiga pasar utama sekitar Parlimen Kota Bharu secara dekat bagi meninjau kebajikan mereka serta memperkukuh hubungan silaturahim dengan komuniti peniaga tempatan.

Lawatan berkenaan melibatkan Pasar Wakaf Che Yeh, Pasar Kubang Pasu dan Pasar Siti Fatimah Berek 12, yang menjadi nadi ekonomi harian masyarakat setempat, khususnya golongan peniaga kecil dan sederhana.

YB Dato' Rohani berkata, kun-



jungan tersebut sebagai tanda penghargaan terhadap kegigihan para peniaga yang berusaha mencari rezeki halal demi kelangsungan keluarga.

“Kehadiran kami diharap dapat memperkukuhkan lagi hubungan silaturahim yang terjalin, selain memastikan kebajikan peniaga, khususnya golongan wanita, sentiasa diberi perhatian.

“Mereka inilah nadi ekonomi

setempat yang terus cekal walaupun berdepan pelbagai cabaran dalam mencari rezeki,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Beliau turut mendoakan agar setiap titik peluh yang dicurahkan oleh para peniaga menjadi asbab keberkatan rezeki, selaras dengan sabda Rasulullah SAW bahawa sebaik-baik rezeki adalah daripada usaha tangan sendiri.

Dalam pada itu, YB Dato' Ro-



hani merakamkan penghargaan atas sambutan mesra yang diberikan oleh para peniaga di ketiga-tiga pasar berkenaan dan berharap pendekatan turun padang sebegini dapat diteruskan bagi mendekati rakyat serta memahami keperluan sebenar mereka di peringkat akar umbi.

“Moga Allah SWT memberkati rezeki para peniaga dan mempermudah segala urusan kita bersama,” katanya.

YB Hilmi serah tiga Rumah Dhuafa' kepada rakyat DUN Guchil



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 16 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan meneruskan usaha membantu golongan memerlukan apabila tiga unit Rumah Dhuafa' diserahkan kepada penerima terpilih di DUN Guchil menerusi gimik penyerahan yang disempurnakan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah pada Ahad.

Menurut YB Hilmi, Program Rumah Dhuafa' yang dibina dengan spesifikasi tiga bilik dan dua bilik air itu merupakan sumbangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi membantu keluarga yang mengalami kesempitan hidup.

“Program Rumah Dhuafa' ini merupakan sumbangan Kerajaan Negeri Kelantan sebagai salah satu

usaha untuk membantu golongan yang memerlukan supaya dapat tinggal dalam rumah yang lebih selesa dan terjamin keselamatannya,” katanya di laman rasmi pada Ahad.

Beliau berkata, usaha tersebut turut mencerminkan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam membela golongan miskin tanpa mengira bangsa dan agama.

“Usaha ini selaras dengan tuntutan Islam supaya kita menjaga mereka yang lemah dan memerlukan,” jelasnya.

Rumah Dhuafa' pertama diserahkan kepada Mahendran A/L Anantham.

YB Hilmi memaklumkan bahawa pada tahun 2024, sebuah Rumah Dhuafa' telah dibina untuk keluarga miskin kaum Cina,

manakala penyerahan kali ini merupakan kali pertama rumah seumpamanya dibina untuk keluarga kaum India di DUN Guchil.

“Semoga dengan adanya rumah baharu ini, ia menjadi permulaan untuk membina kehidupan yang lebih baik buat Encik Mahendran dan keluarga,” ujarnya.

Rumah kedua pula diserahkan kepada Mat Fadil Mamat di Kampung Tok Bok.

Menurut YB Hilmi, Mat Fadil sebelum ini tinggal menyewa secara tidak tetap dan sering berpindah randah bergantung kepada pekerjaan, selain masih menyara dua orang anak di bawah tanggungsanya.

Memandangkan tapak rumah yang dibina sebelum ini agak rendah dan sering menjadi tempat air bertakung, aras lantai rumah itu

telah ditinggikan melebihi tiga kaki bagi memberikan lebih keselesaan.

“Semoga beliau dan anak-anak dapat memulakan kehidupan baharu dengan adanya tempat berteduh yang amat selesa milik sendiri hasil sumbangan Kerajaan Negeri Kelantan,” katanya.

Penyerahan Rumah Dhuafa' ketiga pula melibatkan Kahazaini Khaidir di Kampung Padang 9 yang mempunyai enam orang anak.

“Penerima berkenaan sebelum ini tinggal menumpang di rumah kayu pusaka yang usang bersama ahli keluarga lain, manakala suaminya tidak dapat bekerja sepenuhnya selepas mengalami kecederaan mata akibat kemalangan,” jelasnya YB Hilmi.



Pendedahan STI, STEM kepada pelajar YIK positif – YB Kamaruzaman

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 15 Disember – Pendedahan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) serta sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang dilaksanakan di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) berada pada tahap yang baik dan menunjukkan hasil yang positif.

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Negeri Kelantan YB Kamaruzaman Mohamad berkata, ketika ini terdapat 93 buah sekolah YIK di seluruh negeri yang secara konsisten didedahkan dengan program inovasi dan pembangunan sains serta teknologi.

Menurutnya, kerajaan negeri telah menganjurkan karnival inovasi di peringkat sekolah YIK setiap tahun sebagai platform untuk mengasah kreativiti dan kemahiran pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

“Bukan sekadar penyertaan dalaman, kita juga menjemput pe-



serta dari selatan Thailand untuk berkongsi idea dan menunjukkan kreativiti mereka, sekali gus memberi pendedahan lebih luas kepada pelajar,” katanya ketika ditemui dalam sidang media selepas Karnival STI Madani 2025, semalam.

Beliau berkata, kejayaan empat buah sekolah YIK memenangi pingat emas, perak dan gangsa dalam karnival inovasi peringkat kebangsaan yang berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) baru-baru ini membuktikan keberkesanan pendedahan STI dan STEM yang diterapkan.

“Ini menunjukkan pendedahan

STI dan STEM di peringkat sekolah YIK agak baik dan akan terus dipertingkatkan melalui kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI),” ujarnya.

Dalam pada itu, YB Kamaruzaman memaklumkan bahawa sekolah YIK turut melaksanakan program tahfiz sains, di mana pelajar mengikuti aliran sains tulen, pendidikan agama serta menghafaz al-Quran secara serentak.

Selain itu, kerajaan negeri turut menubuhkan Maahad Sains Tok Guru sebagai sekolah khusus bagi



pemeriksaan sains, menempatkan pelajar terbaik daripada seluruh sekolah YIK yang menunjukkan minat dan kecemerlangan dalam bidang sains.

Beliau menegaskan bahawa usaha tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkukuhkan bidang sains dan teknologi sebagai teras penting pembangunan pendidikan negeri.

“Di peringkat Jawatankuasa Pendidikan, kita sudah berbincang secara khusus macam mana nak perkasakan sains dan teknologi dalam kalangan pelajar” jelasnya.

STI perlu disepadukan dalam kurikulum pendidikan negara - Dato' Siti Zailah

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 15 Disember – Pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI) tidak seharusnya terhad kepada pembelajaran secara informal semata-mata, sebaliknya perlu disepadukan secara menyeluruh dalam kurikulum sistem pendidikan negara bagi memupuk minat dan kemahiran teknologi sejak peringkat awal.

Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff berkata, penganjuran program STI oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merupakan satu inisiatif yang sangat baik dan wajar diperkasakan, khususnya di negeri-negeri yang masih dalam fasa meningkatkan minat serta kemahiran dalam bidang tersebut.

“Saya mengucapkan tahniah kepada MOSTI atas penganjuran program STI ini dan mencadangkan agar peruntukan ditambah,



terutama di negeri-negeri yang baharu membina ekosistem dan bakat STI,” katanya dalam sidang media selepas Karnival STI Madani 2025, semalam.

Menurutnya, penyelarasan antara MOSTI, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu dibuat bagi memastikan pembangunan STI tidak bergerak secara berasingan daripada sistem pen-

didikan arus perdana.

Katanya, ketika ini kebanyakan program STI dilaksanakan di luar subjek kurikulum dan berbentuk pembelajaran tidak formal, sedangkan bagi melahirkan minat jangka panjang, elemen STI perlu dimasukkan secara rasmi dalam kandungan pembelajaran sekolah.

Mengulas lanjut, YB Dato' Siti Zailah turut menggesa KPM

mengambil inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MOSTI dan menggabungkannya dalam sistem pendidikan sedia ada bagi mengelakkan pertindihan fungsi antara kementerian.

“Penyelarasan antara kementerian perlu dibuat supaya bajet negara dapat dijamin dan impaknya lebih berkesan,” ujarnya.

Beliau turut menyokong kenyataan bahawa 70 peratus pekerjaan masa kini memerlukan kemahiran teknologi, justeru Malaysia perlu melahirkan lebih ramai tenaga mahir tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan masa hadapan.

“Program berasaskan teknologi perlu diperkasakan dalam negara bagi mengelakkan kebergantungan kepada tenaga kerja luar dan memastikan rakyat tempatan benar-benar bersedia menghadapi cabaran ekonomi digital,” katanya.

Rakan Muda Al-Quran jadikan masjid pusat transformasi belia



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 14 Disember – Masjid perlu dijadikan pusat transformasi bagi mendidik dan membentuk belia yang seimbang dari segi rohani, intelektual dan sahsiah, selaras dengan tuntutan Islam dalam melahirkan generasi masa hadapan yang berdaya saing serta mampu berbakti kepada masyarakat dan negara.

Timbalan Mufti Kelantan YB Sahibul Fadhilah Dato' Biji Sura Dato' Nik Abdul Kadir Nik Mohamad berkata demikian ketika merasmikan Program Rakan Muda Al-Quran yang berlangsung di Masjid Jamek Muhammadi, di sini, semalam.

Menurut beliau, penganjaran

program tersebut wajar dipuji kerana memberi penekanan kepada pembangunan insan, pembentukan sahsiah serta kepimpinan belia melalui penghayatan Al-Quran.

“Masjid bukan sahaja tempat ibadah, sebaliknya merupakan institusi ilmu yang berperanan penting dalam membangunkan generasi masa depan. Ia perlu dimanfaatkan sebagai pusat transformasi untuk mendidik belia agar seimbang antara dunia dan akhirat,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa usaha mendekatkan belia dengan masjid dan Al-Quran adalah langkah strategik dalam membentuk kepimpinan masa hadapan yang berteraskan nilai Islam serta mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat dan nega-

ra.

Program Rakan Muda Al-Quran yang menghimpunkan kira-kira 150 peserta itu merupakan anjuran Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan dengan kerjasama Masjid Jamek Muhammadi Kota Bharu, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Kelantan Future Leader Institute (KFLI) dan Rakan Muda Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhammad dalam ucapan aluannya berkata program berkenaan merupakan permulaan kepada satu perjalanan hidup belia bersama Al-Quran.

Beliau berkata, cabaran kehidu-

pan belia masa kini semakin mencabar dengan pengaruh teknologi, kecerdasan buatan (AI) dan media sosial yang membuka ruang kepada pelbagai bentuk kemungkaran.

“Pilihan berada di tangan belia sendiri. Kerajaan negeri komited membentuk generasi muda yang memahami Islam dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan utama dalam kehidupan seharian,” jelasnya.

Menurut beliau, Program Rakan Muda anjuran Kementerian Belia dan Sukan merangkumi 10 elemen utama, namun Program Rakan Muda Al-Quran itu disifatkan sebagai ‘10+1’ kerana Al-Quran menjadi paksi dan teras kepada keseluruhan elemen tersebut.

“Kita mahu Al-Quran ada dalam jiwa anak muda, diamalkan dalam kehidupan seharian serta disebarkan kepada rakan-rakan lain,” ujarnya.

Sepanjang program, para peserta mengikuti pelbagai pengisian antaranya RMQ Talks, Klinik Tajwid, latihan asas tarannum, penerbitan khat, penghasilan kandungan Al-Quran (Quran content creator) serta pameran agensi, yang bertujuan mendekatkan belia dengan Al-Quran secara lebih interaktif dan berkesan.

Pengiktirafan UEC tidak wajar - Dr Wan Martina



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 15 Disember – Pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) dalam Sistem Pendidikan Negara bukan satu keperluan dan tidak wajar

dilaksanakan selagi ia tidak selaras sepenuhnya dengan dasar pendidikan kebangsaan, kata Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff.

Ahli Dewan Negara itu menegaskan, pendirian tersebut bukan berasaskan sentimen perkauman atau penafian terhadap kepelbagaian laluan pendidikan, sebaliknya berpaksikan tanggungjawab mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, Dasar Pendidikan Kebangsaan serta agenda pembinaan negara-bangsa.

“Dasar pendidikan kebangsaan diwujudkan dengan matlamat yang menyeluruh termasuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, menjamin

keseragaman piawaian akademik dan memperkukuh integrasi sosial melalui sistem pendidikan yang dikongsi bersama oleh seluruh rakyat,” katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, sehingga kini UEC masih belum memenuhi tahap pendidikan yang diperlukan, khususnya dari aspek bahasa pengantar, mekanisme penilaian dan tahap penyepaduannya dengan struktur pendidikan awam negara.

Dr. Wan Martina turut berpendirian bahawa isu pengiktirafan UEC sering dibangkitkan melalui lensa politik semasa, sedangkan kesannya terhadap sistem pendidikan dan keharmonian masyarakat adalah bersifat jangka panjang.

“Keputusan berkaitan pendidikan perlu dibuat secara berprinsip dan berasaskan kepentingan nasional yang luas, bukan dipengaruhi tekanan atau pertimbangan jangka pendek,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan keutamaan negara seharusnya diberikan kepada usaha memperkukuh sistem pendidikan kebangsaan agar terus relevan, berkualiti serta berfungsi sebagai asas utama perpaduan rakyat Malaysia.

“Selagi UEC tidak diselaraskan sepenuhnya dengan kerangka dan keperluan dasar pendidikan kebangsaan, pengiktirafannya adalah tidak wajar,” tegasnya.

78 pesakit kronik DUN Kemahang disantuni

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 16 Disember - Sebanyak 78 pesakit kronik di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kemahang disantuni melalui Skim Bantuan Penyakit Kronik Kerajaan Negeri Kelantan berjumlah RM30,000 sepanjang tahun ini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam AB Rahman berkata, penyaluran bantuan itu mencerminkan keprihatinan kerajaan negeri dalam menjaga kebajikan rakyat, khususnya golongan yang berdepan masalah kesihatan berpanjangan.

Menurutnya, bantuan yang diberikan secara langsung kepada penerima itu sedikit sebanyak dapat



membantu menampung kos rawatan serta keperluan harian pesakit kronik.

"Seramai 78 pesakit kronik di DUN Kemahang telah menerima manfaat daripada skim ini. Diharapkan bantuan ini dapat meringankan beban kewangan pesakit dan keluarganya mereka," katanya menerusi me-

dia sosial, pada Isnin.

Tambahnya, inisiatif berkenaan turut bertujuan mengurangkan tekanan kewangan yang dihadapi keluarga pesakit, sekali gus membolehkan mereka memberi tumpuan sepenuhnya kepada proses rawatan dan pemulihan.

Dalam pada itu, beliau turut men-



doakan agar semua penerima skim berkenaan dikurniakan kesihatan yang baik serta kesembuhan oleh Allah SWT.

"Semoga usaha murni kerajaan negeri ini dapat diteruskan dan memberi manfaat berterusan kepada rakyat Kelantan pada masa akan datang," katanya.

Bengkel Parenting 360 DUN Kemahang bina keluarga bijak hadapi cabaran zaman



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Disember - Bengkel Parenting 360 DUN Kemahang yang berlangsung pada Sabtu lalu memberi tumpuan kepada usaha memperkasa institusi kekeluargaan melalui pengisian bermanfaat khusus untuk pasangan berumah tangga serta ibu bapa yang mempunyai anak-anak.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berkata program tersebut dirancang bagi membantu keluarga memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membina institusi kekeluargaan yang kukuh berteraskan nilai Islam, selaras

dengan keperluan semasa masyarakat.

"Dalam era yang semakin mencabar, ibu bapa berdepan pelbagai cabaran dalam mendidik anak-anak yang terdedah kepada penggunaan gajet, media massa serta pengaruh luar.

"Ancaman terhadap akidah dan pembentukan sahsiah anak-anak hadir secara halus, sekali gus menuntut kebijaksanaan, kesabaran dan kepekaan ibu bapa dalam membimbing mereka ke arah landasan yang betul," katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Kemuncak bengkel diisi dengan ceramah motivasi oleh penceramah jemputan khas yang mengupas tajuk "Bijak Didik, Anak Cerdik".

Ceramah berkenaan menyentuh

realiti semasa pendidikan anak-anak serta mengetengahkan pendekatan berasaskan Islam yang praktikal dan mudah diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Selain pengisian ilmu, program tersebut turut dimeriahkan dengan pertandingan mewarna yang melibatkan pelbagai kategori daripada kanak-kanak hingga dewasa.

Aktiviti berkenaan berjaya mencungkil bakat kreativiti peserta, bahkan menggalakkan penglibatan seisi keluarga.

Suasana program bertambah meriah apabila hadirin turut berpeluang menyertai cabutan bertuah yang disediakan oleh pihak penganjur.

Penganjuran Bengkel Parenting 360 memberi manfaat dari segi pengetahuan dan kesedaran kei-

bubapaan serta berjaya mengeratkan hubungan kekeluargaan serta memperkukuh jaringan komuniti dalam kalangan warga setempat.

“Ancaman terhadap akidah dan pembentukan sahsiah anak-anak hadir secara halus, sekali gus menuntut kebijaksanaan, kesabaran dan kepekaan ibu bapa dalam membimbing mereka ke arah landasan yang betul,”



100 petani DUN Limbongan terima benih kelapa SGG

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 16 Disember – Sebanyak 100 petani di DUN Limbongan menerima sumbangan benih kelapa Sungai Gulang-Gulang (SGG) menerusi Program Penyampaian Anak Kelapa SGG sempena inisiatif “Tane Nyior Al Falah”.

Program berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Khidmat DUN Limbongan, Pasir Puteh, pada Ahad.

Setiap penerima menerima dua biji benih kelapa SGG. sebagai langkah memperkukuh sektor pertanian dan menambah sumber pendapatan rakyat luar bandar.

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Limbongan,



YB Nor Asilah Mohd Zin yang menegaskan komitmen berterusan pihaknya dalam menyokong usaha pemerkasaan pertanian komuniti.

Menurutnya, inisiatif tersebut bukan sahaja bertujuan membantu meningkatkan ekonomi rakyat, malah menggalakkan penglibatan

masyarakat dalam pertanian secara mampan dan berjangka panjang.

“Tahniah kepada semua penerima, semoga dua tahun lagi, kita dapat minum air nyior manis,” katanya menerusi laman rasmi, pada Ahad.

Program tersebut dilaksana-



kan dengan kerjasama Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, selaras dengan usaha memperluas tanaman kelapa berkualiti tinggi sebagai salah satu sumber ekonomi alternatif kepada petani setempat.

Pertandingan pancing toman kawal ekosistem Tasik Pergau



Oleh: Asri Hamat

JELI, 14 Disember - Tasik Pergau yang diisytiharkan sebagai Taman Perlindungan Ekosistem Sultan Ismail Petra (TPESIP) mencatat sejarah apabila dibuka buat julung kalinya bagi penganjuran Pertandingan Memancing Ikan Toman Piala Menteri Besar 2025.

Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, penganjuran pertandingan itu bertujuan mengawal populasi ikan toman yang semakin banyak sehingga mengancam kelangsungan spesies ikan air tawar lain di tasik berkenaan.

Menurut beliau, ikan toman merupakan spesies pemangsa paling dominan di Tasik Pergau berbanding ikan pemangsa lain.

“Dalam tasik ini sebenarnya terdapat banyak ikan pemangsa, namun ikan toman adalah yang paling banyak. Pada peringkat permulaan, kita adakan pertandingan memancing ikan toman dahulu.

“Insya-Allah, selepas ini kita akan sembah maklum kepada Tunku al-Sultan supaya program seperti ini dapat diadakan secara berkala, bukan sahaja bagi mengurangkan ikan toman, malah spesies ikan pemangsa air tawar lain juga,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutup dan penyampaian hadiah Pertandingan Memancing Ikan Toman Piala Menteri Besar 2025 di TPESIP, di sini pada Sabtu.

Dalam ucapannya, YAB Menteri Besar turut menyifatkan aktiv-

iti memancing sebagai satu latihan kesabaran yang tinggi.

“Orang yang kurang sabar tidak boleh memancing. Begitu juga orang yang lemah semangat. Ada pemancing yang seharian suntuk malah sampai satu malam tidak memperoleh seekor ikan, namun keesokan harinya tetap datang semula. Ini menunjukkan tahap kesabaran pemancing sangat tinggi.

“Jadi kalau mahu jadikan panduan kesabaran dalam kehidupan, pemancing boleh dijadikan contoh,” katanya.

Tambah beliau lagi, ikan toman lazimnya mudah dipancing ketika hujan lebat, khususnya pada waktu petang.

“Alhamdulillah hari ini ada peserta yang bernasib baik berjaya menaikkan ikan toman bersaiz besar, dengan tangkapan paling berat mencecah 11.169 kilogram,” katanya sambil mengucapkan tahniah kepada semua pemancing yang berjaya.

Dalam pertandingan itu, Wan Zaman Wan Ya dari Tanah Merah muncul juara dengan tangkapan seberat 11.169 kilogram. Tempat kedua dimenangi Qayyum Mohamed Danian dari Kota Bharu

(10.764 kilogram), diikuti Mohd Nazri Azemin dari Kota Bharu (10.472 kilogram) di tempat ketiga.

Sementara itu bagi tempat keempat dan kelima dimenangi oleh Mohd Rozi Awang Man dari Tok Bali, Pasir Puteh (10.362 kilogram) dan Nik Amirul Faizal Nik Rohim dari Tanah Merah (10.156 kilogram), manakala Mohd Nazri Azemin pula memenangi kategori tangkapan terbanyak selepas berjaya menaikkan tiga ekor ikan toman.

Juara menerima wang tunai RM3,000, naib juara RM2,000, tempat ketiga RM1,500, keempat RM1,000 dan kelima RM500, manakala pemenang tangkapan terbanyak menerima RM1,000 yang telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar.

Turut hadir ialah Pegawai Kewangan Negeri, YB Dato' Rosnazli Amin, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, YB Datuk Kamarudin Md Nor, beberapa Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN) serta Ketua Jajahan Jeli, Wan Fahazil Wan Mohamad Jaffar.

14 usahawan tani DUN Kota Lama terima bantuan peralatan pertanian



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Disember – Sebanyak 14 usahawan tani di DUN Kota Lama menerima bantuan peralatan pertanian menerusi Majlis Penyampaian Bantuan Usahawan Tani Al-Falah dan Peralatan Pertanian DUN Kota Lama 2025 yang diadakan di Pusat Khidmat DUN Kota Lama pada Selasa.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato'

Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, penyampaian bantuan berkenaan merupakan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memperkasa ekonomi ummah melalui sektor pertanian.

Menurutnya, kawasan DUN Kota Lama yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi serta keluasan tanah yang terhad amat sesuai menerapkan pendekatan pertanian moden seperti vertical farming dan

sistem fertigasi bagi mengoptimumkan penggunaan ruang, menjimatkan sumber serta menjamin hasil yang lebih konsisten.

“Pendekatan ini mampu meningkatkan produktiviti selain menjadikan aktiviti pertanian lebih tersusun dan berdaya maju walaupun di kawasan bandar,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Beliau berkata, selaras dengan keperluan tersebut, input pertanian yang disampaikan merangkumi pelbagai alatan dan jentera ringan

bagi membantu para usahawan tani mengurus operasi harian dengan lebih efisien.

“Bantuan ini diharap dapat menjadikan pertanian sebagai sumber rezeki yang mampan, berdaya saing dan diberkati, insya-Allah,” katanya.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Penyelia DUN Kota Lama Ir Nurshakiman Muhammad dan wakil agensi berkaitan yang terlibat dalam pembangunan sektor pertanian di DUN Kota Lama.



Pertandingan memancing toman tarik pemancing seluruh negara

Oleh: Asri Hamat

JELI, 14 Disember - Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri, YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, pengumuman pertandingan memancing ikan toman menerima sambutan luar jangka apabila berjaya menarik penyertaan pemancing dari seluruh negara, termasuk beberapa pelancong antarabangsa yang kebetulan sedang bercuti di Kelantan.

Menurutnya, pertandingan yang julung kali dianjurkan di Taman Perlindungan Ekosistem Sultan Ismail Petra (TPSIP), Tasik Pergau itu dilihat sebagai inisiatif strategik untuk memperkenalkan Kelantan kepada pengunjung luar.

Menurutnya, pada peringkat awal pengumuman, pihak urus setia menetapkan had penyertaan seramai 300 peserta, namun kerana permintaan tinggi daripada pe-



mancing menyebabkan jumlah itu bertambah kepada 350 peserta.

“Pengumuman ini kali pertama dan sambutan yang diterima amat menggalakkan. Peserta bukan sahaja datang dari Negeri Kelantan malah dari Johor, Perak, Kuala Lumpur dan Selangor dengan bot masing-masing.

“Bagi peserta dalam negeri, bot disediakan oleh pihak Majlis Daerah Jeli (MDJ), Bomba dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM).”

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan alu-aluan di majlis penutup dan penyampaian hadiah Pertandingan Memancing Ikan Toman Piala Menteri Besar 2025, di TPESIP, di sini pada Sabtu.

Tambah beliau, pengumuman program seumpama itu bukan sahaja berupaya menarik peminat sukan memancing, malah berpotensi merancakkan sektor pelancongan serta ekonomi setempat.



Tasik Pergau yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan habitat ikan air tawar, khususnya toman, dilihat mempunyai potensi besar untuk dijadikan lokasi pelancongan sukan memancing bertaraf nasional dan antarabangsa.

“Lokasi ini juga sesuai untuk dijadikan tempat perkhemahan, mukhayyam, retreat serta pemukiman kerana tempatnya yang menarik,” tambah beliau.

Pasukan bola sepak DUN Wakaf Bharu rangkul Piala MB 2025

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 14 Disember - Pasukan bola sepak Dewan Undangan Negeri (DUN) Wakaf Bharu muncul juara Kejohanan Bola Sepak Piala Menteri Besar (MB) 2025 selepas menewaskan DUN Kemuning dengan keputusan 6-5 menerusi penentuan sepakan penalti pada perlawanan akhir di Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, semalam.

Kedua-dua pasukan terikat 2-2 selepas tamat 80 minit masa sebenar perlawanan, sebelum kemenangan ditentukan menerusi sepakan penalti.

Wakaf Bharu membuka jaringan seawal minit kelima menerusi sepakan menarik dari luar kotak penalti oleh Mohd Amirul Syafik yang gagal dihalang penjaga gol Kemuning, Ikram Marzuki.

Pasukan Wakaf Bharu hampir menggandakan kelebihan pada minit ke-21, namun tandukan Akil Farhan tersasar ke kanan pintu gol.

Kemuning cuba bangkit dengan beberapa serangan ke kubu Wakaf Bharu, namun berjaya dipatahkan oleh keampuhan benteng pertahanan Wakaf Bharu sekaligus menyukarkan usaha pasukan Kemuning untuk mencipta peluang berbahaya.



Pada minit ke-31, Amirul Syafik hampir menjaringkan gol kedua selepas merampas bola akibat kesilapan pemain Kemuning, namun situasi satu lawan satu gagal dimanfaatkannya setelah digagalkan pertahanan lawan, Edi Haikal. Wakaf Bharu mendahului 1-0 sehingga tamat babak pertama.

Memasuki separuh masa kedua, Wakaf Bharu menambah gol pada minit ke-45 menerusi Amirul Syafik yang bijak memperdayakan pertahanan Kemuning sebelum mudah menolak bola ke gawang bagi menjadikan kedudukan 2-0.

Kemuning berjaya merapatkan jurang pada minit ke-52 apabila Wan Aiman Haikal menyambar bola muntah hasil sepakan bebas ketua pasukan, Nur Iman Haikal, untuk menjadikan kedudukan

2-1. Momentum itu dimanfaatkan sepenuhnya apabila Adam Danial meledak gol penyamaan pada minit ke-67 selepas mengambil kesempatan kekalutan dalam kotak penalti Wakaf Bharu, sekali gus mengikat kedudukan 2-2.

Tiada jaringan tambahan berjaya dihasilkan oleh kedua-dua pasukan sehingga tamat perlawanan, memaksa penentuan juara ditentukan menerusi sepakan penalti.

Wakaf Bharu muncul juara apabila menyempurnakan keenam-enam sepakan penalti, manakala Kemuning gagal pada sepakan keenam apabila tendangan Faiz Osman berjaya diselamatkan penjaga gol Wakaf Bharu, Zaim Ramli.

Anugerah Pemain Terbaik Perlawanan diberikan kepada Mohd Amirul Syafik dari Wakaf Bharu.

Sebagai juara, Wakaf Bharu membawa pulang wang tunai RM6,000 beserta piala dan medal, manakala Kemuning selaku naib juara menerima RM4,000 beserta medal. Tempat ketiga bersama dimenangi DUN Kijang dan Chempaka yang masing-masing menerima RM3,000 beserta medal.

Anugerah Pemain Terbaik Perlawanan diberikan kepada Mohd Amirul Syafik dari Wakaf Bharu.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan. Turut hadir ialah Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, YB Zamakhshari Muhammad serta beberapa Ahli Dewan Negeri (ADN).



Kejohanan Boling Piala Exco Sukan platform pembangunan atlet muda Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 15 Disember - Kejohanan Ten Pin Bowling Piala Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan yang julung kali dianjurkan di negeri ini menjadi platform penting dalam pembangunan sukan boling, khususnya bagi belia bawah 20 tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, penganjuran kejohanan berkenaan membuka ruang pertandingan berperingkat kepada belia, penjawat awam serta peserta kategori terbuka.

Menurutnya, kejohanan itu memberi peluang kepada pemain tempatan merasai suasana pertandingan sebenar, selain dinilai secara kompetitif serta membina disiplin sebagai seorang atlet.



“Penyertaan kategori trio jabatan pula menjadi medium memperkukuh kerjasama antara agensi di samping memupuk gaya hidup aktif dalam kalangan penjawat awam.

“Pada masa sama, kategori terbuka membantu mengangkat standard permainan dan menjadi penanda aras kepada bakat muda yang sedang dibentuk,” katan-

ya menerusi media sosial, pada Ahad.

Tambahnya, penganjuran kali pertama kejohanan tersebut merupakan langkah awal ke arah pembinaan ekosistem sukan boling yang lebih tersusun di Kelantan.

“Insya Allah, usaha ini akan diteruskan dan diperkasakan agar lebih ramai bakat baharu dapat diketengahkan dan sukan ini terus

berkembang secara konsisten di negeri ini,” katanya.

Terdahulu, YB Zamakhshari menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kejohanan Ten Pin Bowling Piala Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan yang berlangsung di Lite SuperBowl JB 7 Mydin Tunjong, pada Sabtu.



Draf pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 2019 di peringkat akhir, dijangka dibentangkan tahun depan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 Disember - Draf pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (EKJS) Kelantan 2019 kini di peringkat akhir dan dijangka dibentangkan pada Persidangan Dewan Negeri (DUN) Kelantan pada tahun depan, 2026.

Hal tersebut dimaklumkan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud kepada media selepas mesyuarat Exco di

Mabna, hari ini.

Beliau menjelaskan bahawa Jawatankuasa Pelaksana yang dipengerusikan oleh YB Wan Rohimi Wan Daud sebelum ini telah mengadakan pertemuan dengan Ahli Majlis Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada November lalu bagi membincangkan beberapa perkara yang perlu dipinda atau diperhalusi.

“Insya Allah, draf pindaan terkini akan diangkat semula ke Jawatankuasa Induk yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan sebelum dibawa ke MAIK, Exco Kerajaan Negeri dan seterusnya ke Sidang DUN Kelantan. Sekiranya Sidang DUN diadakan pada Mac 2026, insya Allah enakmen ini sempat dibentangkan, dengan syarat tiada masalah teknikal,” katanya.

Menurutnya lagi, kerajaan negeri pada asalnya menyasarkan

enakmen itu dibentangkan pada tahun 2025, namun proses pindaan mengambil masa berikutan teguran dan pandangan beberapa Ahli Majlis Jemaah Ulama MAIK yang perlu diberi perhatian serius.

“Pindaan ini tidak semudah disangka kerana melibatkan aspek perundangan dan Perlembagaan. Dalam perkara ini, kita perlu lebih cermat,” tegasnya.

Pindaan berkenaan melibatkan 16 seksyen yang sebelum ini dibatalkan susulan cabaran perundangan oleh Peguam Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid.

“Kesemua 16 seksyen itu telah dipinda semula dengan pendekatan lebih berhati-hati. Ada yang dirangkumkan dan tidak semestinya dikekalkan dalam bentuk asal, tetapi disusun semula supaya lebih efisien, kemas dan selari dengan Perlembagaan bagi mengelakkan cabaran pada masa hadapan,” jelasnya.

Walau bagaimanapun, beliau

mengakui sebarang undang-undang tetap berdepan risiko cabaran, namun kerajaan negeri bersedia melakukan penambahbaikan sekiranya perlu.

“Kalau ada cabaran, kita akan perbaiki dan angkat semula dengan pindaan yang lebih baik,” ujarnya.

Dalam pada itu, YB Mohd Asri menegaskan Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa membuat yang terbaik untuk semua komuniti yang ada di Kelantan dalam usaha untuk mengekang gejala yang bercanggah dengan agama di negeri ini.

“Untuk mengekang gejala song-sang dan maksiat, kita perkenalkan EKJS. Manakala bagi menangani isu keluarga seperti pergolakan rumah tangga dan perceraian, kita menggubal undang-undang keluarga Islam,” katanya.

Rakyat Kelantan suarakan isu nelayan, OKU dan beban guru dalam perancangan RMK13

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 17 Disember - Isu kemunduran komuniti nelayan bandar, jurang sistem pendidikan golongan orang kurang upaya (OKU) serta beban tugas guru menjadi antara suara utama rakyat Kelantan yang diketengahkan untuk diberi perhatian serius dalam perancangan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).

Perkara tersebut dibangkitkan semasa Sesi Libat Urus Awam RMK13 Peringkat Negeri Kelantan yang di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Program anjuran Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan itu adalah platform rakyat menyuarakan isu akar umbi untuk dimasukkan ke dalam pelan tindakan pembangunan negara.

Slot libat urus itu dikendalikan oleh Pengarah Eksekutif Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya Datuk Dr Anis Yusai Yusoff, yang membuka ruang dialog terbuka antara wakil masyarakat dan penggubal dasar.

Wakil Persatuan Nelayan Kawasan Kota Bharu Nik Muhammad Kamal berkata, komuniti nelayan di kawasan berhampiran pusat bandar Kota Bharu antara yang paling terpinggir di Kelantan susulan kekangan infrastruktur yang berpanjangan.

“Pembinaan pemecah ombak penting untuk industri perikanan. Ia boleh mengurangkan risiko limpahan banjir di bandar Kota Bharu dan berpotensi memulihkan hakisan pantai seperti di Pantai Kundur, Pantai Cahaya Bulan dan Pantai Sabak,” katanya.

Beliau turut memohon agar kerajaan menyediakan tempat perlindungan bot kepada nelayan sepanjang musim tengkujuh, memandangkan

kerusakan bot akibat arus banjir boleh mengakibatkan kerugian besar dan menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Sementara itu, wakil Pertubuhan Cakna OKU Kelantan Muhammad Saat pula menekankan keperluan mewujudkan sistem pendidikan yang lebih inklusif dan berkeadilan kepada golongan OKU, khususnya selepas melepasi tempoh pendidikan formal.

“Saya mencadangkan agar Jabatan Pendidikan mengkaji semula sistem pendidikan OKU, terutamanya dari sudut TVET. Pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM) juga wajar dibuka kepada golongan OKU supaya sistem pendidikan berlaku lebih

adil,” ujarnya.

Dalam perkembangan sama, wakil Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia Muhammad Zapawi Mamat, menggesa agar RMK13 memberi penekanan terhadap pengurangan beban tugas guru yang kini dibebani kerja pengkeranian dan tugas bukan akademik.

“Sebelum ini pernah dicadangkan supaya 10,000 petugas diwujudkan bagi membantu guru, namun hingga kini ia tidak direalisasikan. Kami mohon kerajaan membawa semula cadangan ini dan membuka penjawatan pembantu guru bagi membantu urusan pengkeranian,” katanya.



E-Mutiara terima Anugerah SME Bank Entrepreneur of the Year 2025

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 18 Disember – Syarikat pengangkutan awam milik anak Kelantan, Konsortium E-Mutiara Berhad (E-Mutiara), dianugerahkan SME Bank Entrepreneur of the Year 2025 pada majlis berprestij yang berlangsung di sebuah hotel Kuala Lumpur.

Pengerusi Eksekutif E-Mutiara Che Ibrahim Ismail menyifatkan anugerah tertinggi itu sebagai satu amanah besar yang mengingatkan syarikat terhadap tanggungjawab berterusan kepada industri, pekerja, pelanggan dan masyarakat.

“Bagi E-Mutiara, pengiktirafan kejayaan korporat ini menandakan perjalanan panjang syarikat dalam membangunkan perkhidmatan pengangkutan awam yang berdaya tahan, beretika dan berpaksikan rakyat. Ia juga merupakan penghargaan kepada warga kerja di semua peringkat, rakan strategik, pihak



berkuasa dan pelanggan yang memberi sokongan berterusan.

“Anugerah ini bukan noktah kejayaan, tetapi penanda aras baharu untuk kami melakukan yang lebih baik,” katanya menerusi kenyataan rasmi, semalam.

Tambahnya, E-Mutiara berhasrat untuk terus memperkukuh tadbir urus korporat dan penguasaan berintegriti, melabur dalam penambahbaikan perkhidmatan, keselamatan serta kebajikan pekerja pada masa depan.

Di samping itu, syarikatnya ter-

us menyokong agenda nasional ke arah sistem pengangkutan awam yang mampan dan inklusif.

“Matlamat kami adalah untuk menjadi contoh syarikat tempatan yang berkembang secara berprinsip tanpa mengorbankan nilai. Kejayaan sebenar bagi E-Mutiara diukur melalui keberkesanan perkhidmatan, kepercayaan masyarakat dan sumbangan berterusan kepada pembangunan negara,” jelasnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai

Komunikasi Korporat E-Mutiara Hisham Lokman memaklumkan bahawa Pengarah Kewangan E-Mutiara Nurul Aufa Che Ibrahim mewakili syarikat menerima anugerah berkenaan daripada Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi YB Dato’ Sri Ramanan Ramakrishnan pada Rabu.

Menurutnya lagi, majlis berprestij itu menghimpunkan usahawan terpilih dari seluruh negara yang mencatat pencapaian luar biasa serta memberi sumbangan bermakna kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan keusahawanan nasional.

Majlis tersebut turut dihadiri kepimpinan tertinggi kerajaan dan sektor pembangunan keusahawanan, termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Dato’ Sri Khairul Dzaimie Daud.

Kelantan dijangka terima RM460.7 juta daripada KKDW

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan dijangka menerima peruntukan sebanyak RM460.7 juta daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi tahun 2026, menjadikan negeri ini sebagai penerima keempat terbesar peruntukan pembangunan luar bandar di bawah kementerian tersebut.

Timbalan Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Saizol Ismail berkata, jangkaan peruntukan tersebut meningkat RM163.8 juta atau 55 peratus berbanding tahun 2025.

“Bagi tahun 2026, KKDW memperoleh peruntukan sejumlah RM 12.40 billion, manakala bagi Kelantan sendiri dijangka menerima peruntukan sejumlah RM 460.7



juta, pertambahan sekitar RM 163.8 juta berbanding tahun 2025.” katanya di laman rasmi pada Selasa.

Tambahnya, peruntukan itu menjadikan Kelantan negeri keempat terbesar menerima peruntukan melibatkan 29 projek baru dan 101 projek sambungan.

Beliau berkata demikian sele-

pas mewakili exco YB Dato’ Dr Izani Husin menghadiri Mesyuarat Penyelaras Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah bersama Exco-Exco Luar Bandar (MEX-CLUB) kali ke-2 bagi tahun 2025 yang berlangsung di Ipoh Perak pada Selasa.

Menurut YB Saizol, MEX-CLUB merupakan platform penting bagi menyelaraskan pelaksanaan pembangunan luar bandar antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, bukan sahaja dari aspek infrastruktur tetapi turut menekankan pembangunan modal insan.

Dalam mesyuarat itu, beliau turut menyatakan hasrat kerajaan negeri agar fokus pembangunan diberikan kepada bekalan air luar bandar serta jalan perhubungan

desa yang menjadi pemangkin hubungan antara daerah, selain menekankan pemantauan rapi terhadap projek-projek kementerian yang tergendala di Kelantan.

“Keutamaan negeri yang lain akan dimasukkan dalam Rolling Plan 2 (RP2), Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) setelah mendapat persetujuan di peringkat negeri” jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah YAB Dato’ Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta pihak pegawai kementerian atas segala pertimbangan dan kerjasama bagi memastikan pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di Kelantan.

RM201.53 juta dividen Ladang Rakyat diagih sejak 2006



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Disember – Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat (PPLR) telah mengagihkan dividen berjumlah RM201.53 juta kepada peserta Ladang Rakyat sejak penubuhannya pada tahun 2006.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang, Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata pencapaian itu membuktikan kejayaan PPLR menguruskan tanah yang diamanahkan Kerajaan Negeri Kelantan bagi membantu rakyat, khususnya golongan kurang bernasib baik.

Menurutnya, PPLR bekerjasama dengan beberapa syarikat bagi mengusahakan tanah melalui

pelaksanaan Ladang Rakyat walaupun hasil tanaman masih belum diperolehi.

“Walaupun hasil penanaman belum diperolehi, PPLR tetap berjaya mengagihkan dividen kepada peserta,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Cek Cura dan Slip Pembahagian Dividen Peringkat ke-69 Tahun 2025 di Wisma PPLR, Tunjong, di sini hari ini.

Beliau berkata, peserta Ladang Rakyat dipilih daripada seluruh negeri Kelantan dengan keutamaan diberikan kepada golongan yang kurang berkemampuan.

“Kita memilih rakyat yang kurang bernasib baik untuk menjadi peserta Ladang Rakyat dan mereka menerima dividen setiap



bulan tanpa perlu bekerja di ladang. Namun, bagi peserta yang berminat bekerja di ladang, mereka akan diberikan gaji,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru peserta supaya menghadiri kelas pengajian sekurang-kurangnya sekali sebulan sebagai perseediaan bekalan akhirat.

“Luangkan satu jam sebulan untuk mengikuti kelas pengajian. Jika tidak hadir dua kali berturut-turut, mereka boleh digantikan dengan peserta lain. Kita mahu peserta Ladang Rakyat bukan sahaja mementingkan dunia, tetapi juga akhirat,” katanya.

Mengulas pentadbiran negeri, beliau menegaskan bahawa kerajaan negeri mentadbir Kelantan berlandaskan prinsip yang ditetapkan

kan oleh Allah SWT.

“Alhamdulillah, kerajaan negeri dapat mentadbir Kelantan dengan baik kerana ia merupakan satu amanah yang besar,” katanya.

Sementara itu, beliau turut memberi amaran keras kepada mana-mana syarikat yang gagal mematuhi perjanjian dengan PPLR.

“Mana-mana syarikat yang tidak membayar mengikut perjanjian akan diberi amaran dan kontrak kerjasama akan dibatalkan tanpa kompromi. Apabila bayaran dibuat kepada PPLR, dividen kepada peserta dapat dibayar tanpa tertunggak,” katanya.

Turut hadir, Timbalan Menteri Besar YB Dato’ Dr Mohamed Fadli Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato’ Dr Tengku Mohamed Fazi Harudean Al-Haj Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri YB Dato’ Idham Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri YB Dato’ Rosnazli Amin, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Negeri serta Ketua Pegawai Eksekutif PPLR Dr Mohd Arpi Arifin.



Pengiktirafan UEC
tidak wajar
- Dr Wan Martina

MTMN Kelantan perkukuh advokasi digital, tangani berita palsu dan ukur kualiti internet negeri

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 18 Disember - Mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negeri (MTMN) Kelantan Tahun 2025 menjadi medan penting memperkukuh agenda pendigitalan negeri melalui taklimat advokasi teknologi, keselamatan siber dan pembangunan ekonomi digital.

Mesyuarat yang berlangsung di Mabna MBI, Kompleks Kota Darulnaim, pagi ini dipengerusikan oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, yang mewakili Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Pan-



glima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Menurut Dato' Wan Roslan, antara agenda utama ialah taklimat advokasi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Mesyuarat ini memfokuskan kempen Internet Selamat, penggunaan teknologi kecerdasan buatan menerusi Chatbot AIFA bagi menangani penularan berita palsu, serta pelaksanaan inisiatif MCMC Nexus sebagai mekanisme pengukuran kelajuan internet berasaskan data awam.

"Selain itu, pembentangan daripada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) berhubung status pelaksanaan Program Ekonomi Digital di Negeri Kelantan, termasuk kemajuan semasa dan perancangan strategik bagi merencanakan ekosistem digital negeri," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmen untuk terus memperkukuh agenda teknologi maklumat dan pendigitalan secara berperingkat dan menyeluruh, selari dengan keperluan semasa serta hala tuju pembangunan negeri, agar manfaatnya dapat dirasakan oleh seluruh lapisan rakyat.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohama, bersama wakil-wakil jabatan dan agensi berkaitan.

Penubuhan PPLR jana pendapatan tambahan rakyat



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Disember - Penubuhan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat (PPLR) bertujuan menjana pendapatan tambahan kepada rakyat yang menjadi peserta Ladang Rakyat, di samping membantu mengurangkan kemiskinan serta meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif PPLR Dr Mohd Arpi Arifin berkata, penubuhan PPLR mempunyai matlamat yang jelas iaitu memastikan tanah yang diamanahkan kepada perbadanan itu diurus secara berkesan, produktif dan mampu menjana

pulangan berterusan kepada peserta.

Katanya, PPLR akan terus memperkukuh usaha penambahbaikan pengurusan ladang termasuk meningkatkan kecekapan operasi bagi memastikan hasil yang optimum dan seterusnya memaksimumkan pulangan kepada peserta.

"Kami komited memastikan setiap sen yang diagihkan adalah adil, telus dan berlandaskan perjanjian yang telah dipersetujui. Semakan semula perjanjian juga dilaksanakan secara terperinci bagi menjaga kepentingan rakyat serta hak PPLR," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan alu-aluan di Majlis Penyerahan Cek Cura dan Slip Pembahagian Dividen peringkat ke-69 tahun 2025 di Wisma PPLR, Tunjong di sini, hari ini.

Dr Mohd Arpi turut mengakui pengurusan PPLR berdepan pelbagai cabaran semasa yang memerlukan keberanian melakukan pembaharuan serta komitmen tinggi terhadap amalan tadbir urus yang

berkualiti.

Jelasnya, dengan sokongan berterusan semua pihak terutama ahli lembaga pengarah, PPLR telah mengambil langkah strategik dan berhemah melalui penstrukturan kewangan, pemerkasaan pembangunan ladang serta penambahbaikan sistem tadbir urus.

"Usaha ini penting bagi memastikan kelangsungan PPLR dan menjamin pulangan yang lebih mampan serta berterusan kepada peserta pada masa hadapan," katanya.

Tambahnya, inisiatif berkenaan menjadi instrumen penting dalam memacu pembangunan sektor perladangan negeri Kelantan, sekali gus meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat bagi merealisasikan agenda Kelantan sebagai negeri berkebakikan.

Dr Mohd Arpi turut menzahirkan kesyukuran kerana PPLR menjadi antara agensi kerajaan negeri yang berperanan membantu meningkatkan taraf sosioekonomi rak-

yat Kelantan, khususnya dalam kalangan peserta Ladang Rakyat.

Mengulas tentang penyampaian cek cura yang diadakan hari ini membuktikan komitmen lembaga pengarah dan pengurusan PPLR dalam mengagihkan hasil Ladang Rakyat secara telus dan berintegriti, selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik serta amanah yang dipertanggungjawabkan kepada perbadanan itu.

"Ia selari dengan moto PPLR iaitu Mengurus Amanah Rakyat. Selain dividen yang diagihkan secara berkala, PPLR turut menyediakan manfaat kebajikan seperti khairat kematian melalui Tabung Khairat Kematian Peserta Ladang Rakyat berjumlah RM5,000 bagi setiap kematian peserta," ujarnya.

Sementara itu, pengagihan dividen Ladang Rakyat peringkat ke-69 dijadualkan berlangsung di Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing bermula 19 hingga 25 Disember 2025.